

## **BAB TIGA**

### **PENGENALAN IMAM WARSH**

#### **3.0 Pendahuluan**

Warsh adalah seorang perawi qira:'a:t al-Qur'a:n yang terkenal pada zamannya sehingga ke hari ini, sama ada di Mesir atau di negara-negara lain. Namun, masyarakat Malaysia kurang mengenali imam ini kecuali pada akhir-akhir ini apabila ilmu qira:'a:t al-Quran mula diperkenalkan di intitusi-institusi al-Qur'a:n dan sekolah-sekolah.

Justeru, kajian ini menelusuri sejarah hidup imam Warsh bermula dengan nama, asal-usulnya, kelahiran dan kematiannya, keilmuan dan kelebihanannya sehinggalah kepada keperibadian dan gelarannya. Kajian ini juga akan memperkenalkan beberapa orang muridnya dan kawasan tersebarnya riwayat Warsh yang terkenal ini.

#### **3.1 Nama Sebenarnya**

Mengikut Khami:s Ja:bir Øaqr ( 2004 : 47 ) nama sebenarnya ialah Abu: Sa'i:d 'Uthma:n ibn 'Abdillah ibn'Amru: ibn Sulaima:n Ibra:hi:m. Namun,

terdapat beberapa pandangan tentang sandaran nama sebenar imam Warsh kepada bapanya . Antara pandangan yang masyhur sebagaimana berikut :

i) ‘Uthma:n ibn Sa’i:d ( عثمان بن سعيد )

Ini pendapat Mu‘ammad Ibra:hi:miyy ( 1990 ) dan kebanyakan sumber menyatakan demikian. Cuma ada beberapa pendapat yang berbeza dari segi sandaran kepada datuknya dan ke atas sebagaimana berikut :

a) ‘Uthma:n ibn Sa’i:d ibn ‘Adiyy ibn Ghazwa:n

Iaitu pendapat ( Abu Ja’far : 1999 )

b) ‘Uthma:n ibn Sa’i:d ibn ‘Abdillah ibn ‘Amru ibn Sulaima:n Ibra:hi:m ( Shahrul Nizam : 1992 )

Didapati pendapat di atas hanya bersepakat pada nama sebenar imam Warsh iaitu ‘Uthma:n ibn Sa’i:d tetapi berbeza pada sandaran kepada datuknya.

ii) ‘Uthma:n ibn ‘Abdillah ( عثمان بن عبد الله )

Shahrul Nizam ( 1992 ) berpendapat bahawa nama sebenarnya ialah ‘Uthma:n ibn ‘Abdillah al- Mi‘riyy.

Manakala Khami:s Ja:bir Øaqr ( 2004 ) pula membawa salsilah yang lebih jelas tentang asal-usulnya dengan menyatakan bahawa keturunannya ialah ‘Uthma:n ibn ‘Abdillah ibn ‘Amru ibn Sulaima:n Ibra:hi:m.

Adapun Muġammad al-Ibrahi:miyy ( 1990 ) pula menasabkan imam Warsh kepada ‘Uthma:n ibn ‘Abdillah al-Qurashiyy al-Miġriyy.

Walaupun terdapat sedikit perbezaan pada nasab keturunan imam Warsh, namun ianya tetap merujuk kepada orang yang sama, iaitu imam Warsh seorang perawi qira:’a:t al-Qur’a:n yang terkenal, bahkan pernah menjadi ketua dalam bidang ilmu- qira:’a:t al-Qur’a:n di Mesir. Malah, kesemua sumber mengaitkannya dengan riwayatnya daripada imam Na:fi’.

### **3.2 Kelahiran Dan Kematian**

Khami:s Ja:bir Øaqr ( 2004 ) menyatakan bahawa Warsh dilahirkan di Mesir di daerah Qafġ berdasarkan hampir keseluruhan sumber yang diperolehi. Asalnya dari al-Qairawa:n tetapi dilahirkan di negara Mesir mengikut pendapat mereka.

Imam Warsh dilahirkan pada tahun 110 H. Namun, ada juga yang mengatakan bahawa beliau dilahirkan antara tahun 111 H atau 120 H. Tetapi, majoriti mengesahkan tahun 110 H.

Manakala tahun kematiannya, majoriti sumber yang ada meletakkan tahun 197 H, pada usia 87 tahun, iaitu pada zaman pemerintahan khalifah al-Ma'mu:n. Mengikut mereka juga, imam Warsh meninggal dunia di negara Mesir. ( Khami:s Ja:bir Øaqr, 2004 )

Berdasarkan kepada kenyataan di atas, jelaslah bahawa imam Warsh dilahirkan di Mesir pada tahun 110 H dan meninggal dunia juga di Mesir pada tahun 197 H, iaitu pada usia 87 tahun. Fakta ini menyokong pandangan yang menyatakan tahun kelahirannya ialah pada 110 H.

### **3.3 Keilmuan Dan Kelebihannya**

Abu Ja'far ( 1999 ) menyatakan bahawa imam Warsh telah mengembara dari negara Mesir hingga ke Madinah semata-mata untuk membaca dan mempelajari al-Qur'an daripada imam Na:fi'. Beliau telah menamatkan empat kali bacaan di hadapan imam Na:fi' dalam masa sebulan iaitu pada tahun 155 hijrah.

Beliau juga menegaskan bahawa imam Warsh menamatkan bacaan satu mushaf dalam masa tujuh hari, iaitu satu pertujuh (1/7) mushaf sehari lantaran minatnya yang bersungguh-sungguh untuk menguasai ilmu bacaan al-Qur'an. Maka, dalam masa tujuh hari beliau menamatkan empat kali khatam bacaan. Beliau pulang ke negara Mesir pada tahun 155 hijrah.

Bukti penguasaan dan keilmuannya dalam bidang bacaan al-Qur'an ialah beliau telah dilantik oleh kerajaan Mesir mengetuai institusi pengajian al-Qur'an di negara Mesir pada zamannya.

Mengikut Shahrul Nizam ( 1992 ) Imam Warsh terkenal di kalangan perawi qira:'a:t al-Qur'a:n yang mengambil secara langsung daripada guru atau sheikh mereka secara langsung tanpa perantaraan. Imam Warsh juga terkenal sebagai seorang yang pakar dalam bahasa Arab. Beliau juga seorang yang mahir dalam bidang tajwid al-Qur'an. Faktor ini juga membantu beliau dikenali sebagai seorang yang pakar dalam ilmu al-Qur'an dan qira:'a:t al-Qur'a:n.

### **3.4 Keperibadian Dan Gelarannya**

Lantaran keilmuan, kelebihan serta keturunannya, maka imam Warsh telah mendapat jolokan dan gelaran yang pelbagai dan sesuai dengan keperibadian serta ketokohnya. Antaranya bolehlah dikategorikan sebagaimana berikut :

a) Gelaran berdasarkan sandaran kepada anak

Imam Warsh disandarkan kepada anaknya. Oleh itu, antara gelarannya ialah Abu Sa'îd, iaitu sandaran yang paling popular. Namun, ada beberapa sandaran lain iaitu Abu 'Amru: dan Abu al-Qa:îm, namun ianya tidak terlalu menyerlah sebagaimana gelaran yang pertama. ( Ibn al-Jazriyy : 1992 )

b) Gelaran atau jolokan biasa

Gelaran yang paling terkenal kepada beliau ialah 'Warsh' yang telah diberikan oleh gurunya menunjukkan kepada makanan yang dibuat daripada susu. Gelaran ini juga dikaitkan dengan kulitnya yang teramat putih. Beliau berbangga dengan gelaran yang diberikan kepadanya. Sehingga beliau dikenali dengan gelaran tersebut. ( Ibn al-Jazriyy : 1992 )

Menurut Abu Ja'far ( 1999 ) ada beberapa pendapat tentang alasan gelaran 'Warsh' itu diberikan kepadanya :

- i) Kerana kulitnya terlalu putih ibarat susu.
- ii) Kerana tersangat elok bacaannya.

Gelaran 'warsh' diberikan kepada beliau kerana bacaannya yang elok dan menarik, di samping warna kulitnya

yang terlalu putih. Sesiapa yang mendengarnya tidak akan merasa jemu atau bosan.

iii) Sempena nama burung 'warsha:n'

Gurunya menggelarkannya 'warsha:n' sempena nama burung 'warsha:n' tetapi di permudahkan (takhfi:f) sebutannya menjadi 'warsh'. Beliau suka memakai pakaian yang singkat sehingga menampakkan kakinya apabila berjalan.

Pernyataan-pernyataan tadi menggambarkan imam Warsh sebagai seorang yang berkeperibadian yang tinggi serta mempunyai kebolehan yang pelbagai, sehinggakan beliau mendapat gelaran dan jolokan nama yang berbagai-bagai.

### **3.5 Guru dan Murid- murid Imam Warsh**

Imam Warsh adalah seorang perawi qira:'a:t Na:fi' yang terkenal. Kajian ini memperkenalkan beliau sebagai seorang perawi yang mengambil secara langsung bacaan daripada gurunya. Di samping menyerlahkan keperibadian beliau yang mahir dalam beberapa bidang ilmu yang lain dan mempunyai murid yang ramai.

#### **3.5.1 Gurunya**

Gurunya ialah imam qira:'a:t yang terkenal di Madinah iaitu imam Na:fi'. Beliau digelar "Imam Qira:'a:t di Kota Madinah".

Menurut Ahmad Kha:lid Shukri: ( 1996 ) nama sebenar beliau ialah Na:fi' ibn 'Abd al-Ra'ima:n ibn Abi Nu'aym. Beliau digelar Abu Ruwaym atau Abu al-Hasan dan Abu 'Abd al-Ra'ima:n.

Beliau dilahirkan di A'ibaha:n pada tahun 70 H. Beliau meninggal dunia pada tahun 169 H, iaitu pada usia 99 tahun semasa penghujung pemerintahan kerajaan Bani Umayyah.

'Abd al-Fatta:Í al-Qa:ÿi: ( 1984 ) menjelaskan bahawa beliau mengambil bacaan al-Qur'a:n al-Kari:m secara berguru dengan 70 orang guru daripada kalangan ta:bi':n. Antaranya ialah Abu Ja'far, 'Abd al-Ra'ima:n, Mu'ammad



ibn Muslim dan lain-lain. Sanadnya (ijazah) sampai kepada Ibn ‘Abba:s, Zayd ibn Tha:bit sehinggalah kepada Rasulullah (s.a.w).

Menurut ‘Abd al-Ma:lik Yami:n ( 1985 : 30 ) Imam Na:fi‘ berkulit hitam pekat, tetapi beliau mahir dalam qira:’a:t serta suara yang baik dan merdu. Oleh itu beliau dilantik menjadi imam masjid Madinah. Itu jugalah antara faktor yang menyebabkan ramai orang belajar qira:’a:t daripadanya.

Imam Na:fi‘ mempunyai ramai murid yang mempelajari ilmu qira:’a:t daripadanya termasuklah Imam Ma:lik ibn Anas, ‘I:sa ibn Mina:’ (Qa:lu:n) dan ‘Uthma:n ibn Sa:i:d ( Warsh ). Daripada kalangan mereka terdapat dua perawi yang masyhur iaitu ‘I:sa ibn Mina’ (Qa:lu:n) dan ‘Uthma:n ibn Sa:i:d ( Warsh ).

### **3.5.2 Murid-muridnya**

Antara murid-murid imam Warsh yang tersohor mengikut Muġammad al-Ibrahi:miyy (1990) ialah :

- i) Abu: Ya‘qu:b Yu:suf ibn ‘Amma:r ibn Yasa:r al-Azraq

Nama sebenar beliau ialah Abu Ya‘qu:b Yu:suf ibn ‘Amma:r ibn Yasa:r. Beliau berasal dari Madinah kemudian

berpindah ke Mesir. Beliaulah yang menggantikan imam Warsh sebagai imam qira:'a:t di Mesir.

Beliau berguru dengan imam Warsh masa yang lama sehingga menamatkan 20 kali khatam. Beliau meninggal dunia pada penghujung tahun 290 H.

ii) Abu Bakr ibn 'Abd al-Ra'fi:m al-A'ibaha:niyy

Nama sebenar beliau ialah Abu: Bakr Mu'ammad ibn 'Abd al-Ra'fi:m ibn Shabi:b ibn Yazid ibn Kha:lid. Beliau adalah orang yang pertama membawa masuk riwayat Warsh ke negara Iraq.

Ramai penduduk Iraq yang berguru dengannya dalam ilmu qira:'a:t, malah beliau menjadi sumber rujukan di sana. Beliau meninggal dunia pada tahun 296 H di kota Baghda:d.

Manakala Mohd Rahim Jusoh (2001) menyenaraikan beberapa orang lagi murid imam Warsh iaitu :

i) A'Imad bin Øa:li' al-×a:fiḌ

ii) Da:wu:d ibn Abi: Ùayyibat

iii) ‘Abd Øamad bin ‘Abd RaÁma:n ibn al-Qa:Áim

Áímad Kha:lid Shukri: ( 1996 ) menambahkan beberapa orang lagi murid yang berguru dengan Warsh seperti berikut :

- i) Yu:nus ibn ‘Abd al-A‘la:
- ii) MuÁammad ibn ‘Abdullaŧ ibn Yazid al-Makkiy.
- iii) Abu: al-Rabi:‘ Sulaima:n ibn Da:wu:d

### **3.6 Kawasan Tersebar Riwayat Warsh**

Riwayat Warsh tersebar di kawasan utara benua Afrika ( al-Maghrib al-‘Arabiyy ) seperti Algeria, Maghribi dan Mauritania. Begitu juga di negara Senegal dan beberapa kawasan di negara Mesir, Libya, Chad dan Tunisia.

Riwayat ini juga telah mendominasi pada awal-awal kurun terawal di negara Mesir. Dari Mesir riwayat ini tersebar sehingga ke negara-negara yang dinyatakan di atas.

### **3.7 Kesimpulan**

Begitulah secara dasarnya riwayat hidup dan pengenalan tentang imam Warsh yang dapat dikutip daripada beberapa sumber yang berkaitan. Berdasarkan kenyataan-kenyataan tersebut, dapatlah dilihat sejarah hidup dan latar belakang imam Warsh yang terkenal itu.

Bacaan al-Qur'a:n mestilah dipelajari daripada mereka yang betul-betul mahir dalam ilmu qira:'a:t al-Qur'a:n. Terbukti bahawa Imam Warsh merupakan seorang tokoh yang memiliki keistimewaan tersendiri sehingga metod bacaannya tersebar ke seluruh dunia.

Riwayat juga haruslah diambil daripada perawi yang betul-betul memahami perkara yang berkaitan ilmu qira:'a:t. Ini menjamin kejayaan beliau kerana sanadnya adalah kesinambungan kepada bacaan yang telah diambil oleh perawi berkenaan daripada ta:bi'i:n, sahabat dan Rasulullah (s.a.w).